

Alumni Kelab UMNO Luar Negara kecewa dengan Tun

UM - 31/10/2006

TANJONG KARANG 30 Okt. - Pertubuhan Alumni Kelab UMNO Luar Negara kecewa terhadap sikap Tun Dr. Mahathir Mohamad yang terus mengkritik kerajaan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut Pengerusinya, Datuk Noh Omar, kritikan yang dilemparkan oleh bekas Perdana Menteri itu seolah-olah menggambarkan negara ini kini tidak lagi mengamalkan demokrasi.

"Tun membuat tuduhan seolah-olah negara kita hari ini tidak lagi demokratik dan menjadi negara polis," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mengulas dakwaan Dr. Mahathir bahawa beliau disekat daripada bercakap dan menemui ahli UMNO, Noh berkata, isu itu tidak timbul sekiranya bekas Perdana Menteri memahami prosedur menjemput pemimpin UMNO untuk sesuatu perjumpaan parti.

"Jika ada pihak yang mahu menjemput pemimpin mesti ada kapasitinya, ini bermakna kalau mahu bercakap memenuhi jemputan di Tanjong Karang misalnya apa kapasitinya

untuk menjemput Tun?"

"Tidak timbul soal tidak menjemput Tun itu bermakna telah disekat oleh pihak polis atau sudah tiada demokrasi kerana tidak mendapat kebebasan untuk beliau berucap di mana-mana.

"Kita menjemput pemimpin yang sedang memerintah negara supaya boleh menerangkan dasar-dasar pemerintahan dan kerajaan," katanya.

Noh yang juga Timbalan Menteri Pelajaran berkata, misalnya dalam Majlis Tertinggi (MT) UMNO, banyak perkara yang dibincangkan bersama untuk kebaikan rakyat dan negara.

"Tun berada di luar mungkin beliau tidak tahu apa yang MT bincangkan," katanya.

Noh menarik perhatian semasa Dr. Mahathir masih menjadi Perdana Menteri, beliau sendiri sering menasihatkan penuntut di luar negara supaya bersatu padu, mematuhi peraturan dan perundangan negara.

"Jadi kami amat kecewa nampaknya hari ini semangat dan nasihat itu sudah bercanggah 100 peratus dengan apa yang Tun sering ungkapkan pada waktu itu," katanya.

UMNO
FOUNDATION
PERDANA